

# RITUAL, IDENTITI DAN PERUBAHAN DI PANTAI BARAT SABAH: PENGALAMAN KOMUNITI KADAZAN PENAMPANG

*Ritual, Identity and Changes in the West Coast of Sabah:  
The Experience of the Kadazan Penampang Community*

*Hanafi Hussin*

## ABSTRACT

Ritual is generally related to religious rituals or social ceremonies. Good rituals performed as traditional or new are communal rights and public property and contain ceremonial elements representing cultural entities and symbolizing the community or ethnic identity. This study examines the rice ritual and identity of the Kadazan Penampang District, Sabah. The study uses a multi-disciplinary approach. The rice planting method used was traditional and the farmers must perform the rituals accordingly in order for the rice grow well and bring lucrative results and ensure the well-being of the farmers' family members. The rituals involve the offering of meals, drinks, drum and gong music and the *sumazau* dance to the spirits. However, changes occurred on the tradition of the Kadazans when the colonial government came in, which brought new influences such as beliefs, religion, secular education, modern technology and the capitalist economic system. These influences successfully transformed the community of the Penampang Kadazan and rice ritual has undergone the process of disappearing and resulted to the Kadazan's identity to change as well. This situation has been realized specially during the time of the growing spirit of Kadazans' nationalism in the 1950s and 1960s which led to the recalling of the spirit to bring back the identity of the Penampang Kadazan and the Kadazandusun by bringing back their tradition of rice culture, which is a new form of ritual, *Kaamatan* (Harvest Festival). Elements of rice ritual and others related to the Kadazandusun tradition are included as part of the program that has been agreed as the continuation of national identity. However, this goal often causes unrest and crisis like a social drama discussed by Victor Turner because it has been politicized by those who have interests. Hence, *Kaamatan* as platform for the continuity of the Kadazan and Kadazandusun's identity as a whole is still searching for direction.

*Keywords: Ritual, identity, offerings, changes, crisis, nationalism, and tradition*

## PENGENALAN

Padi begitu utama dan penting dalam kehidupan komuniti Kadazan iaitu sebagai makanan asas, sumber ekonomi serta mempengaruhi pembentukan identiti Kadazan. Padi dianggap suci dalam kehidupan dan banyak mempengaruhi sistem kepercayaan serta amalan tradisi yang merupakan teras utama pembentukan identiti mereka. Walau bagaimanapun, amalan kepercayaan tradisi mengalami perubahan kesan daripada perubahan sosial yang berlaku. Kepercayaan nenek moyang tidak lagi utama, kaedah penanaman tradisional diganti dengan teknologi dan peralatan

moden serta canggih. Dahulu, amalan kepercayaan tradisi sentiasa menjadi panduan kehidupan seharian dengan perlakuan dalam kegiatan bertanam padi sering mengingatkan kehadiran semangat di alam spiritual dengan ritual-ritual yang khusus. Adat tradisi ini dikongsi bersama dan dijadikan panduan untuk memperbaiki kehidupan.<sup>1</sup> Unsur-unsur tradisi ini dominan dalam kehidupan mereka dan menjadi sebahagian daripada identiti sebagai masyarakat tani (*peasant*) yang membentuk sebahagian daripada budaya serta lambang identiti mereka.

Ritual padi yang dilakukan berasaskan kepada kepercayaan terhadap Semangat Padi (*Bambaazon*) yang merupakan roh anak perempuan *Kinoingan* iaitu Tuhan Pencipta Kadazan tradisional.<sup>2</sup> Ia merupakan mitos yang menjadi sumber kepercayaan dan asas pegangan hidup komuniti Kadazan tradisional. Justeru, kehidupan mereka sentiasa berhubungan dengan semangat dan roh di alam spiritual. Dengan ingatan dan pelbagai ritual yang dilakukan semangat padi akan memastikan masyarakat mendapat hasil tuaian yang lumayan. Persembahan yang dilakukan dalam ritual padi dengan menyediakan pelbagai bentuk sajian makanan, minuman, muzik serta tarian pada setiap peringkat penanaman padi iaitu buka tanah, semai benih (*monotok*), bajak sawah, memindah semaian (*momutus*), menghalau semangat jahat dan perosak (*manavit*), memberi sajian kepada semangat penjaga rumah dan semangat padi (*monogit*), mengasingkan padi rosak, mengikat pokok padi (*mamagos*), menuai (*mongomot do Paaii*), membersihkan padi dan membawa pulang *Bambaazon* (*kumotob*), buat benih baru (*monotok*) dan ritual kesyukuran padi (*magavau* dan *humabot*). Kesemua proses tersebut dilaksanakan oleh pakar ritual iaitu *Bobohizan* dengan penuh tertib dan sebagai balasannya petani tidak akan diganggu oleh para semangat di alam spiritual dan padi boleh diusahakan dengan jayanya dan mendapat hasil tuaian yang lumayan.

Dengan perubahan masa yang berlaku, transformasi sosial komuniti ini juga tidak dapat dielakkan dan kesan selanjutnya komuniti Kadazan Penampang tidak lagi mengutamakan penanaman padi secara tradisional. Dengan mengalihkan kaedah penanaman dari tradisional kepada teknologi baru dan moden, maka ritual juga jarang diadakan dan di alaf baru ini berkemungkinan ia akan pupus. Perubahan yang berlaku menyebabkan ritual padi turut luntur dan mengakibatkan penerusan identiti terjejas. Menyedari hakikat ini, ritual padi dirasakan amat penting bagi menerus dan meneguhkan identiti Kadazan. Namun, ritual yang dijalankan bukan lagi bersifat keagamaan tetapi sebagai lambang atau simbol dengan elemen-elemen tertentu daripada ritual padi khususnya *magavau*<sup>3</sup> diketengahkan kepada masyarakat sebagai lambang penerusan tersebut. Ia merupakan ritual kesyukuran dan terima kasih kepada *Bambaazon* yang dianggap sebagai perayaan menuai tradisional komuniti ini. Dengan mengambil ritual *magavau* sebagai asas perayaan menuai adalah dirasakan bahawa lambang atau simbol identiti Kadazan akan dapat dipertahankan. Justeru, *Kaamatan* yang dirayakan pada hari ini merupakan sebahagian daripada usaha pengekalan dan penerusan ritual padi yang dapat mengukuhkan identiti Kadazan Penampang khususnya dan Kadazandusun di Negeri Sabah amnya.

## RITUAL PADI KADAZAN

Masyarakat egalitarian masa lalu banyak bergantung kepada tanah untuk meneruskan kehidupan seharian. Kehidupan seharian pula dikawal oleh adat yang banyak bergantung kepada struktur dan organisasi alam semesta dengan setiap

peringkat penanaman padi diiringi oleh pelbagai ritual.<sup>4</sup> Ritual padi yang dijalankan oleh nenek moyang Kadazan merupakan kegiatan hidup yang utama sebagai memenuhi tuntutan kerana kepercayaan bahawa kewujudan dunia berkaitan dengan kemunculan semangat padi. Justeru, ritual merupakan enakmen kepada mitos<sup>5</sup> yang dipanggil *pampang*<sup>6</sup> diturunkan melalui institusi perbomohan wanita yang dipanggil *bobohizan*. Mitos ini dikembangkan sebagai sumber kepercayaan Kadazan tradisional dengan *Kinoingan*<sup>7</sup> sebagai tuhan pencipta didampingi isterinya *Suminundu*<sup>8</sup> dan anak perempuan mereka *Poninzuvung*<sup>9</sup> serta makhluk dan semangat yang mengelilinginya.<sup>10</sup>

Mitos ini secara ringkasnya dapat menyatakan tentang asal-usul alam semesta, langit, kosmologi dan kepercayaan komuniti Kadazandusun. Ia turut mengisahkan pengorbanan *Poninzuvung/Izoton* untuk mendapatkan sumber makanan dengan semua bahagian tubuhnya tumbuh pelbagai jenis makanan bagi keperluan makhluk di dunia. Tumbuhan utama adalah padi dari bahagian isi tubuhnya, justeru roh beliau dianggap sebagai semangat padi yang sangat dihormati iaitu *Bambaazon*.<sup>11</sup> Mitos ini mempengaruhi cara pemikiran, budaya dan amalan manusia berhubungan dengan roh serta semangat di alam spiritual melalui manifestasi pelbagai ritual. Amalan kepercayaan ini menunjukkan wujudnya kuasa *supernatural* yang mempengaruhi worldview mereka khususnya tentang perhubungan manusia dengan semangat iaitu perhubungan antara dunia nampak dan tidak nampak. Perlakuan dan nilai yang lahir dari kepercayaan ini menjadi sistem adat sebagai pengawal masyarakat yang diimplimentasikan oleh empat institusi utama iaitu Orang tua-tua atau Ketua Kampung (*Huguan Pogun*), Konsul Peringkat Kampung (*Sinompu'uan Komohoingan*), Majlis Penasihat Keagamaan (*Sinompu'uan Bobohizan*) dan para pahlawan (*Sinompu'uan Pangazou*). Mitos yang menjadi *make-believe*<sup>12</sup> ini terus dipupuk dan diwarisi sejak dahulu lagi sebagai amalan kepercayaan dan ia harus diamalkan secara berterusan.

**Gambar 1: Memindahkan anak padi  
serta menghantar sembah (*Pa'atod hangod*) kepada semangat padi**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

Pelbagai ritual yang terhasil menentukan manusia alam nyata harus bersatu padu dengan alam spiritual supaya kehidupan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang. Jika keseimbangan antara kedua-dua alam ini tidak dijaga, semangat di alam spiritual akan mengganggu hidup manusia sehingga boleh menyebabkan

manusia mendapat sakit. Justeru, pelbagai ritual dilakukan dengan menggunakan perkhidmatan *Bobohizan* untuk memenuhi tuntutan keseimbangan tersebut sebagai suatu *efficacy* seperti ritual padi, rumah dan keluarga serta alam semesta bagi tujuan penyejukan.<sup>13</sup> Sistem kepercayaan ini dapat mewujudkan sistem sosial Kadazan yang mempunyai nilai-nilai suci yang dibendung oleh institusi adat serta dikawal oleh pantang larang atau *taboo*.<sup>14</sup> Pantang larang dalam kepercayaan tradisi merupakan alat untuk memelihara dan membezakan jenis-jenis ciptaan yang terdapat di alam semesta. Secara tidak langsung, pantang larang ini digunakan untuk memelihara adat bagi menghalang perkara yang tidak diinginkan daripada berlaku, khususnya kekacauan. Ia boleh dihubungkan dengan kehidupan komuniti Kadazan Dataran Penampang yang diumpamakan dalam sebuah *capsul* yang tertutup di mana mereka amat patuh kepada adat tradisi yang dibentuk oleh nenek-moyang dari mitos *Pampang* tersebut.

Perhubungan antara manusia dan semangat di alam spiritual semestinya sentiasa seimbang dengan mengambil kira setiap tindakan di alam nyata mempunyai kesan di alam spiritual, justeru aktiviti bertanam padi bukan setakat pekerjaan untuk mendapatkan rezeki malah perlakuannya mesti mengambil kira keberadaan para semangat di alam spiritual. Perhubungan dengan *Bambaazon* dan semangat lain harus sentiasa baik atau sejuk (*osogit*) jika tidak, perhubungan tersebut dikatakan panas (*ahasu*). Maka, setiap proses ritual semasa bertanam padi adalah untuk memberi kepuasan kepada *Bambaazon* dan semangat lain khususnya semangat penjaga rumah, *Miontong*. Ritual yang dilaksanakan akan memastikan keseimbangan sentiasa terpelihara dan sebagai balasan manusia tidak diganggu dengan pelbagai musibah dan penyakit manakala pokok padi akan hidup dengan subur serta mendatangkan hasil tuaian yang lumayan.<sup>15</sup>

Ritual padi ini menjadi lumrah dan sinonim dengan kehidupan seharian komuniti Kadazan dan menjadi lambang identiti yang wujud pada hari ini. Ia merangkumi proses ritual serta peralatan yang digunakan seperti alat perhubungan *Bobohizan* dengan semangat alam spiritual (*ritual paraphernalia*), sajian (*pamanta*) untuk semangat berupa makanan, minuman tradisi, pakaian termasuk perhiasan, peralatan muzik (ensembel gong dan gendang) serta tarian *sumazau*.<sup>16</sup> Peralatan

**Gambar 2: Bobohizan (Inai Jinggunis) bersama lambang Bambaazon sewaktu menjaga sawah padi**



Sumber: simpanan peribadi Inai Jinggunis

yang digunakan dalam ritual menjadi bahan-bahan budaya kebendaan atau *tangible cultural heritage* Kadazan, manakala muzik *sompogogungan* dan tarian *sumazau* sebagai lambang budaya tradisi atau *intangible cultural heritage* yang menjadi lambang utama identiti Kadazan Penampang kini.

Masyarakat dari semasa ke semasa berkembang dan berubah khususnya kesan kemasukan pengaruh baru dari luar yang telah mengubah pandangan, pegangan dan kegiatan hidup seharian. Agama dan pendidikan baru yang diperkenalkan banyak mengubah persepsi masyarakat tentang konsep ketuhanan. Tuhan pencipta (*Kinoingan*) tidak lagi penting dengan masyarakat mula beralih kepada kehidupan beragama khususnya Kristian dan Islam. Aktiviti bertanam padi tidak lagi perlu meminta restu dari semangat di alam spiritual dan sudah jarang sekali dilakukan juga sedang mengalami proses kepupusan. Petani-petani tidak lagi mempercayai bahawa pokok padi dijaga oleh semangat tersebut. Ia diambil alih oleh teknologi moden seperti penggunaan baja dan racun moden. Pengetahuan sains dan teknologi telah membawa perubahan kepada cara mengusahakan sawah padi. Masyarakat tidak lagi melakukan gotong-royong (*mitatabang*) untuk mengerjakan sawah mereka yang kini diambil alih oleh jentera moden dan canggih.

Pembaharuan yang dibawa juga telah mengubah corak penggunaan tanah dan landskap Dataran Penampang dengan tanah pertanian digunakan untuk tujuan bukan pertanian. Kini landskapnya berubah, dipenuhi dengan pembangunan bandar yang dilengkapi kemudahan infrastruktur seperti perumahan, sekolah, gereja dan masjid. Tapak sawah padi sebahagian besarnya telah menjadi pusat ekonomi komersial dan Penampang tidak lagi menjadi kawasan penanaman padi yang utama dan masyarakatnya tidak lagi berperanan sebagai penghasil beras tetapi sebagai pembeli pula. Anak-anak generasi baru mendapat pendidikan yang baik serta melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Mereka menjadi sumber tenaga kepada sektor kerajaan dan swasta yang tidak meneruskan kegiatan pertanian orang tua mereka malah bertukar corak kehidupan baru dan moden. Tradisi budaya padi yang menjadi teras dalam amalan kehidupan seharian tidak lagi penting dan sawah padi terbiar dan ada yang menggantikannya sebagai tapak atau kawasan perumahan. Justeru, kawasan desa (*rural*) sebagai sumber rezeki telah diabaikan dan kawasan bandar (*urban*) pula menjadi tempat tumpuan mencari rezeki. Corak kehidupan harian juga turut mengalami perubahan dari tradisi *rural* kepada corak moden *urban*.

## PERUBAHAN SOSIAL DAN KESAN KE ATAS RITUAL PADI

Kehidupan mereka secara tradisional yang diumpamakan dalam kapsul tidak dapat bertahan lama dan terdedah juga kepada unsur-unsur luar yang dibawa oleh penjajah seperti Brunei, British dan pedagang asing. Pengaruh yang dibawa merebak ke dalam sistem kehidupan tradisi komuniti Kadazan sehingga menyebabkan berlakunya perubahan kepada struktur kehidupan yang beralih daripada tradisi kepada moden. Perubahan ini mengakibatkan mereka terpaksa menerima transisi kehidupan tersebut daripada tradisional kepada moden. Mereka terpaksa mengadaptasikannya sejajar dengan peredaran zaman lebih-lebih lagi kini dengan perkembangan dunia tanpa sempadan. Perubahan yang berlaku kesan daripada pelbagai pengaruh terutamanya pendidikan bercorak barat dan perkembangan baru yang diperkenalkan oleh penjajah telah mengubah corak



pemikiran komuniti Kadazan sama ada dalam bidang sosial, ekonomi mahupun politik. Arus pembangunan yang begitu cepat turut mengubah pegangan masyarakat terhadap amalan tradisi.

Petempatan Kadazan yang terletak di bahagian Pantai Barat Sabah, memudahkan mereka untuk mendapat perhatian istimewa daripada pihak penjajah yang menjadikan komuniti ini dapat dibangunkan dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi dan politik. Keadaan ini menyebabkan Kadazan Penampang berbeza dengan komuniti Kadazandusun lain kerana telah didedahkan lebih awal dengan pembangunan dan penerapan dasar serta polisi baru yang datangnya dari penjajah tersebut. Manakala, agama Kristian dan pendidikan barat telah mentransformasikan amalan tradisional kepada amalan agama baru. Sistem ekonomi Kadazan juga telah banyak dipengaruhi oleh pendatang Cina, iaitu dari sistem sara diri kepada sistem kapitalis dan komersial. Penerapan nilai barat melalui pendidikan barat telah mengubah sistem kehidupan komuniti ini daripada tradisi kepada moden. Faktor-faktor ini dikatakan sebagai penyebab kepada berlakunya kepupusan kepercayaan amalan tradisi.

**Gambar 3: Bekas *bobohian*, Inai Jinggunis memeluk Kristian**



Sumber: Kerja lapangan pengkaji.

**Gambar 4: Pembangunan Sekolah baru di Daerah Penampang**



Sumber: Kajian Lapangan

**Gambar 5: Penggunaan jentera moden dalam penanaman padi**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

**Gambar 6: Sawah padi yang dijadikan kawasan perumahan**



Sumber: Kerja lapangan pengkaji.

Perubahan ini bukan sahaja menjejaskan sistem amalan dan kepercayaan tradisi, malah mengakibatkan identiti mengalami proses kelunturan. Keadaan ini menimbulkan kekhawatiran khususnya di kalangan golongan elit Kadazan untuk membentuk sebuah pertubuhan bagi mengembalikan tradisi yang menjadi tunggak identiti mereka iaitu dengan melakukan *revival* ke atas ritual padi yang dipanggil sebagai perayaan *Kaamatan*. Perayaan ini dianggap ritual baru berupa perhimpunan tahunan pelbagai lapisan masyarakat yang boleh disifatkan sebagai pementasan semula identiti. Walau bagaimanapun, perayaan ini dikongsi bersama dengan komuniti Kadazandusun lain yang bermakna pengukuhan identiti Kadazan bukan lagi perjuangan komuniti Kadazan semata-mata tetapi melibatkan semua rumpun anak negeri (termasuk kaum-kaum Dusunik, Murutik dan Paitanik).

Transformasi ritual tradisi yang bersifat fungsional kepada pementasan ritual baru ini menjadi landasan untuk menyatupadukan mereka. Perkembangan seperti ini digambarkan oleh Victor Turner sebagai sebuah drama sosial<sup>17</sup> yang merupakan lanjutan daripada teori ritual Van Gennep (1960)<sup>18</sup> iaitu kehidupan dalam kelompok masyarakat yang sering bermasalah. Perkara-perkara yang terhasil merupakan

produk kebudayaan seiring dengan perubahan sosial di mana masyarakat awam kadangkala terus dengan episod-episod konfliknya. Berpandu kepada teori ini, perubahan sosial komuniti Kadazan di Dataran Penampang menimbulkan kecemburuan dan mengakibatkan konflik dramatik dengan komuniti Dusun lain. Konflik ini harus diselesaikan untuk meredakan keadaan dengan mencapai resolusi atau persetujuan bersama dengan mengadakan program penyatuan sebagai sebuah komuniti atau *communitas*<sup>19</sup> iaitu mengadakan perayaan bersama yang merupakan ritual baru.

## PENERUSAN RITUAL BAGI MENEGAKKAN IDENTITI

Proses transformasi kehidupan merupakan sesuatu yang lumrah berlaku kepada semua manusia termasuk komuniti Kadazan Dataran Penampang yang juga merupakan salah satu daripada rumpun etnik Kadazandusun berkongsi ruang kehidupan seharian. Perubahan yang berlaku ini boleh diumpamakan sebuah episod drama sosial yang melibatkan aspek ekonomi, sosial dan politik. Transformasi dan evolusi yang berlaku ini juga mendesak mereka untuk mencari identiti yang sebenar sehingga terpaksa melalui pelbagai rintangan dan tercetusnya semangat nasionalisme. Kesemua proses transformasi dan evolusi ini hasil daripada pendedahan, penyerapan dan difusi budaya yang dibawa oleh penjajah barat sehingga mendapat ruang untuk mementaskan identiti mereka dalam suasana perubahan dan pergolakan. Dalam merealisasikan perkara ini, kebanyakan peristiwanya berlaku di Daerah Penampang yang kebanyakannya melibatkan komuniti Kadazan Dataran Penampang iaitu dengan mengangkat elemen-elemen ritual padi melalui perayaan atau ritual baru tersebut iaitu Perayaan Pesta Menuai atau *Kaamatan*.

Usaha untuk mengembalikan kegemilangan identiti Kadazan bermula dengan penubuhan *Kadazan Society* pada tahun 1953 kerana asas penubuhannya adalah kesedaran untuk mengekalkan budaya dan bahasa Kadazan di samping untuk menaikkan taraf kehidupan ekonomi. Semangat nasionalisme Kadazan disemarakkan lagi dengan kemunculan Tun Fuad Stephens yang memimpin aspirasi dan hala tuju Kadazan yang lebih progresif. Penglibatan beliau tepat pada masanya untuk menjadikan sebuah persatuan yang kuat dan memperjuangkan hak-hak Kadazan, terutamanya di Dataran Penampang dengan menggunakan akhbarnya *Sabah Times* dalam menyuarakan isu-isu Kadazan dari segi sosial, ekonomi dan politik. Beliau seorang yang aktif dan bertanggungjawab untuk mentransformasikan peranan persatuan ini memperjuangkan isu-isu tanah, menuntut cuti umum untuk perayaan Pesta Menuai (*Kaamatan*) dan lain-lain. Kegigihannya menampakkan kejayaan apabila pihak British bersetuju memberikan cuti umum tersebut. Usaha beliau amat disenangi oleh komuniti Kadazan dan dianugerahkan gelaran *Huguan Siou* yang bermaksud pahlawan gagah berani. Program radio disiarkan dalam bahasa Kadazan yang menjadikan komuniti ini mendapat lebih pendedahan berbanding dengan komuniti lain. Program-program yang disiarkan berbentuk muzik, cerita-cerita legenda dan mitos serta menyelitkan isu berkenaan Kadazan.

Usaha untuk mewujudkan Perayaan Pesta Menuai dicadang oleh OKK. Sedomon dari Keningau dengan mengambilkira bahawa semua rumpun etnik Dusun yang mengamalkan budaya padi seperti ritual bertaqwim mengikut



kepercayaan dan amalan masing-masing. Pada dasarnya ritual ini dikendalikan secara berbeza-beza di kalangan pelbagai komuniti di daerah masing-masing, namun secara keseluruhannya konsep kepercayaannya adalah hampir sama. Manakala hasrat untuk mengadakan perayaan kesyukuran selepas menuai padi ini di pengaruhi oleh pengaruh barat yang ketika itu seringkali mengadakan pelbagai perayaan seperti tamu besar dan lain-lain. Komuniti bergelar Dusun yang lain juga turut memperkenalkan perayaan kesyukuran ini dan mengiktiraf budaya yang sama dijunjung. Dengan kehadiran Tun Fuad Stephens secara langsung telah membangkitkan semangat nasionalisme dan kesedaran untuk mementaskan identiti mereka khususnya di kalangan Kadazan.

Salah satu aspek yang telah ditekankan adalah penyatuan semua etnik Dusun kepada Kadazan atas alasan untuk menyeragam panggilan etnik menjadi satu bangsa yang dihormati. Kesempatan ini membuatkan Kadazan Penampang begitu menonjol yang kemudiannya menyebabkan timbul polemik dan konflik dengan komuniti Kadazandusun lain yang membawa kepada sebuah perhimpunan khas di Jesselton. Perhimpunan ini dipengerusikan oleh Tun Fuad Stephens bersama beberapa orang pemimpin etnik Kadazandusun dari beberapa buah daerah di Sabah. Mereka mahukan nama Dusun dikekalkan namun komuniti Kadazan menggunakan alasan nama Kadazan adalah lebih tinggi darjatnya berbanding Dusun. Kejadian ini mendorong komuniti Dusun lain untuk menubuhkan persatuan Dusun-Lotud pada tahun 1960 yang menjadi penghalang utama cita-cita penyatuan kaum sebagai rumpun Kadazan. Konflik yang timbul di kalangan mereka diibaratkan sebuah drama sosial.

Perjuangan Kadazan melalui politik dirasakan sesuai dan tepat pada masanya dengan tertubuhnya organisasi yang lebih teratur iaitu *United Nation Kadazan Organization* (UNKO). Presiden pertamanya adalah Tun Fuad Stephens dan kebanyakan ahlinya dari Daerah Penampang. Ia selaras dengan cadangan penubuhan Malaysia pada tahun 1961 dan perjuangan mereka sebagai peribumi yang inginkan hak pentadbiran sebagai milik mereka. Walau bagaimanapun, perkembangan politik Sabah selepas menyertai Malaysia ternyata tidak seperti yang dibayangkan oleh para pemimpin Kadazan kerana mendapat saingan dan cabaran daripada parti lain khususnya *United Sabah Nation Organization* (USNO) yang dipimpin oleh Tun Mustapha. Situasi ini juga menyebabkan beberapa orang ahli komuniti Kadazandusun membentuk perjuangan sendiri dengan ideologi berasaskan suku kaum masing-masing. Suku kaum Dusun tidak berpuas hati dengan penubuhan UNKO yang menggunakan perkataan Kadazan dan mendesak menggunakan nama baru dengan memasukkan perkataan "Pasok" yang mewakili komuniti Dusun iaitu *United Pasok Momogun Kadazan Organisation* (UPKO).

Keadaan ini dapat mengimbangi dominasi Kadazan Dataran Penampang dan memberi ruang dan peluang kepada komuniti Dusun lain. Justeru, pelbagai strategi telah diatur bagi memastikan penyatuan dan keseragaman ideologi parti diterimapakai oleh semua rumpun Kadazandusun. Ia diikuti dengan kemunculan Datuk Pairin Kitingan pada tahun 1984 dengan Parti Bersatu Sabah (PBS), parti pelbagai etnik yang memperjuangkan semangat Kadazandusun secara menyeluruh dengan meletakkan *Kadazandusun Cultural Asssocation* (KDCA) dan dirinya sebagai *Huguan Siou*. Pelbagai usaha dan program bersama diadakan di kalangan suku kaum Dusun ini dan semangat untuk bersatu di bawah PBS dan KDCA sentiasa dilaungkan. Walau bagaimanapun, usaha penyatuan ini tidak berjaya sepenuhnya kerana semangat mementingkan suku kaum Dusun begitu tebal. Misalnya, Kesatuan

Dusun (*USDA*) yang dipimpin oleh Datuk Mark Koding dan Datuk Kalakau Untol yang berusaha keluar dari naungan *KDCA* kerana tidak berpuas hati dengan kepimpinan PBS. Rasa tidak puas hati ini berterusan sehingga kekalahan PBS dalam Pilihanraya Umum tahun 1994. Walau bagaimanapun, keadaan mula berubah di mana kekalahan PBS telah membawa masuk UMNO ke negeri Sabah dengan perjuangan yang sangat berbeza dari PBS dan parti politik suku Dusun yang lain.

Konflik ini ternyata berpanjangan seperti sebuah episod drama yang sering dipaparkan dalam akhbar-akhbar tempatan Sabah. Fenomena ini menggambarkan bahawa belum wujudnya penyatuan sesama mereka dan ini mengecewakan harapan para pemimpin Kadazan untuk menyatupadukan semua etnik. Drama sosial ini boleh dirangkaikan yang mengandungi empat perkara seperti yang dikemukakan oleh Victor Turner iaitu *breach, crisis, redressive actions* dan *reintegration*.<sup>20</sup> Konflik yang berlaku adalah bersifat dalaman kesan dari pengaruh luar yang menjadikan difusi budaya yang mengubah sistem kehidupan sosial mereka. Akibatnya, muncul fenomena sosial yang baru dengan kemunculan golongan elit yang berbeza dengan komuniti tradisional yang teguh dengan amalan kepercayaan tradisi. Perbezaan ini membawa kepada perpecahan awal akhirnya mengakibatkan konflik dan krisis yang berterusan kerana cuba mempertahankan fahaman dan ideologi masing-masing.

Keadaan ini menyebabkan kegelisahan di kalangan pemimpin komuniti Kadazandusun dan perasaan untuk bersatu kembali menjadi kuat. Datuk Seri Pairin Kitingan muncul kembali sebagai pemimpin Kadazandusun dan membawa senario baru politik di negeri Sabah. Martabat Kadazandusun telah dinaikkan dengan kemunculan semula parti PBS yang kuat memperjuangkan hak mereka dengan menggiatkan lagi peranan *KDCA* dalam mempromosikan *Kaamatan* dan merencanakan lagi program penyatuan semua rumpun Kadazandusun. Penyatuan hanya dapat dicapai dengan menganjurkan program pementasan budaya padi secara bersama. Perayaan ini menggambarkan wujudnya suasana *liminal* di mana mereka dilihat bersatu hati untuk mencari resolusi menyelesaikan krisis dengan mekanismenya adalah pementasan *Kaamatan*. Konsep *liminal* ini juga boleh disamakan dengan konsep *communitas* iaitu kewujudan kelompok baru semasa pementasan ritual baru atau *Kaamatan* ini. *Communitas* merupakan sebuah komuniti yang terwujud dalam perayaan *Kaamatan* dengan kelompok mempunyai perasaan yang sama untuk merayakannya walaupun berbeza amalan kepercayaannya. Perkara penting yang cuba diterapkan adalah pemupukan perasaan dan semangat bersatu melalui identiti Kadazandusun.

Kadazan Dataran Penampang menerima hakikat berkongsi ruang dengan komuniti Kadazandusun lain untuk mengetengahkan identiti melalui pementasan bersama *Kaamatan*. Perjuangan yang dilakukan adalah dalam suasana yang berlainan dan bukan untuk komuniti Kadazan Penampang sahaja tetapi keseluruhan Kadazandusun. Perkembangan politik tersebut turut sama mempengaruhi amalan budaya masyarakat, di mana isu-isu politik yang diutarakan sering kali mengaitkan etnik dan identiti mereka. Penglibatan para pemimpin Kadazan dalam politik negeri Sabah juga sukar difahami kerana perjuangan tidak lagi menampakkan usaha mengetengahkan komuniti Kadazan. Ia ditambah dengan keadaan penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum yang mempunyai latar belakang sosial, budaya dan politik yang berbeza. Kesemua cabaran tersebut membuatkan pemimpin Kadazan mengalami kesukaran untuk menyatukan pelbagai komuniti Kadazandusun pada masa kini.

Perayaan *Kaamatan* yang dianggap sebagai sebuah pementasan mengalami perubahan yang melibatkan peranan kerajaan sepenuhnya dalam bentuk pembiayaan pesta sama ada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan. Perayaan diadakan sepanjang bulan Mei di peringkat kampung, daerah, negeri dan peringkat kebangsaan menggunakan konsep-konsep yang berlainan. Pengisian program juga berubah kerana dahulu ia dirayakan oleh kaum tani, tetapi kini turut disertai oleh masyarakat yang tidak terlibat dengan kegiatan pertanian. Program pengisian yang dimaksudkan adalah sukan, pertandingan pakaian tradisi Kadazan dan pameran makanan dan minuman tradisi serta budaya kebendaan. Program-program tersebut telah diadakan sejak pesta menuai diperkenalkan dan dari semasa ke semasa telah mengalami tokoh tambah seperti mengadakan pertandingan dan persembahan nyanyian, tarian dan muzik tradisi Kadazandusun, pertandingan sukan tradisi, pameran kraf tangan, produk pertanian dan perkilangan, rumah tradisi, pementasan ritual padi serta pertandingan ratu cantik (*Unduk Ngadau*).

Program tersebut menggambarkan komitmen dan usaha komuniti Kadazandusun untuk menghidupkan semula beberapa segmen amalan tradisi sebagai landasan untuk mengekalkan budaya. Segmen-segmen budaya yang menjadi sebahagian daripada program *revival* ini kebanyakannya dipilih dan dilaksanakan oleh penganjur yang juga melibatkan campur tangan parti politik seperti UPKO dan PBS yang pada masa itu menjadi parti pembangkang. Kerajaan tempatan yang menganjurkan *Kaamatan* pada peringkat awal dikendalikan oleh parti UPKO di mana perayaan ini telah mendapat peruntukan yang besar daripada kerajaan Negeri Sabah dengan dikelolakan oleh para pegawai dan ahli politik dalam kerajaan. Drama sosial berlaku apabila timbulnya konflik kesan daripada pergolakan politik di kalangan pemimpin khususnya antara pemimpin PBS, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan dengan parti UPKO yang mengambil alih tanggungjawab menganjurkan *Kaamatan* serta mengakibatkan pihak KDCA pula menganjurkan pesta *Kaamatan* secara berasingan. Walaupun ia dirayakan secara berasingan, namun perpaduan masih lagi terpelihara semasa melaksanakannya dan kemeriahan sebagai perayaan tradisi yang menjadi simbol identiti Kadazandusun masih lagi teguh.

Keutuhan identiti Kadazandusun terserlah apabila KDCA diberi kepercayaan untuk mengendalikan perayaan *Kaamatan* sepenuhnya sejak Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan kembali menganggotai Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun ia tidak disenangi oleh beberapa orang ahli politik Kadazandusun, mereka masih terus menghadiri majlis tersebut dalam suasana muhibah bagi menunjukkan semangat perpaduan. Ideologi politik yang berbeza diketepikan demi untuk membolehkan identiti mereka dipertahankan. Walaupun krisis dan konflik berlaku, ternyata bahawa pada suatu tahap komuniti ini juga akan bersatu semula (*reintegration*) setelah melalui pelbagai proses pementasan *Kaamatan*. Perkara yang membanggakan pada masa perayaan ini adalah kesanggupan mereka melupakan buat seketika kedudukan dan ideologi politik yang berlainan bagi menjalin perpaduan.

Perkembangan ini dapat memastikan ciri-ciri sebagai bangsa Dusun terus dikekalkan dan menjadi lambang sebagai anak jati Sabah. Identiti sebagai anak jati Dusun diketengahkan selagi *Kaamatan* diteruskan. Ternyata bahawa padi dapat membentuk tradisi dan identiti Kadazan dan komuniti Dusun keseluruhannya. Justeru, padi dianggap mempunyai kuasa yang akhirnya dapat menyatukan masyarakat di Sabah di bawah satu perayaan yang berteraskan kepada padi.

Kuasanya yang memanifestasikan ritual-ritual sakral membawa kepada pembentukan identiti Kadazan. Ia bukan sekadar sebagai sumber makanan malah mempunyai pengaruh yang besar terhadap komuniti Kadazan dari aspek sosial, ekonomi mahupun politik.<sup>21</sup> Dari itu, ritual padi dapat dilihat mempunyai fungsi yang tersurat (*manifest function*) dan tersirat (*latent function*).

Usaha yang dilakukan oleh komuniti ini telah menampakkan kejayaannya dengan mendapatkan ruang yang khusus untuk mementaskan amalan tradisi nenek moyang yang merupakan khazanah warisan seni generasi kini. Walaupun ritual yang diamalkan merupakan *efficacy* namun daripadanya telah membuahkan bibit-bibit seni dan budaya yang bernilai tinggi serta amat dikagumi bukan sahaja di kalangan mereka tetapi turut dijadikan sebagai produk pelancongan negeri Sabah. Walau apa pun tanggapan terhadap usaha ini, jelas bahawa generasi kini sangat komited untuk terus mengetengahkan tradisi padi dan menganggapnya sebagai warisan budaya tradisi mereka yang merupakan suatu usaha yang murni dan sesungguhnya harus dibanggakan. Usaha ini sekurang-kurangnya akan membolehkan masa depan generasi kini dapat mengimbas dan mengingati tentang adat dan amalan tradisi nenek moyang mereka. Penonjolan beberapa elemen amalan tradisi dapat mengangkat semula ikon-ikon budaya Kadazan yang sangat bernilai. Warisan tradisi ini dipastikan terus wujud dan dipertahankan di tengah-tengah masyarakat. Walaupun hanya bahagian tertentu sahaja daripada amalan budaya tradisi ditonjolkan yang merupakan cabutan daripada beberapa upacara ritual padi seperti *magavau*, namun sudah memadai asalkan ia dapat memberi makna dan nilai yang baik kepada mereka dan seluruh masyarakat di Sabah.

Perubahan-perubahan yang dilakukan terhadap warisan budaya tersebut bertepatan dengan nilai-nilai budaya sendiri walaupun ia diolah semula, tetapi konsep, idea dan fungsi seharusnya tidak lari daripada nilai-nilai budaya mereka. Justru, perubahan yang berlaku terhadap tradisi asal hanya memenuhi kehendak dan suasana semasa dan ia tidak dapat dielakkan kerana kebudayaan itu sendiri adalah bersifat dinamik. Perubahan perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak melanggar adat tradisi seperti dalam acara pemilihan *Unduk Ngadau* yang merupakan budaya ciptaan baru. Pemilihan *Unduk Ngadau* iaitu pemilihan wanita cantik sebagai simbolik pengorbanan anak perempuan tuhan pencipta iaitu *Poninzuvung* yang menjadi Semangat Padi atau *Bambaazon*. *Bambaazon* secara tradisi diraikan sebagai tanda terima kasih dan syukur dalam bentuk ritual, sebaliknya *Unduk Ngadau* merupakan pemilihan ratu cantik atau ratu *Kaamatan*.

Walaupun terdapatnya upacara sembahyang keagamaan semasa *Kaamatan*, ia dilakukan di gereja untuk kesyukuran kepada konsep ketuhanan dan bukan lagi kepada penyembahan puji-pujian terhadap *Bambaazon*. Dengan mencampurkan elemen amalan kepercayaan tradisi ini sebagai elemen *sinkretik* dalam amalan Kristian, maka ia melenyapkan kepentingan *Bambaazon* yang patut dipuja. Oleh itu, dengan proses *sinkretik* dan difusi yang berlaku, maka elemen-elemen tradisi akan terus kekal sebagai lambang atau simbol dalam masyarakat. Antara acara-acara tradisi yang dimasukkan dalam program sambutan di gereja adalah paluan gong, pakaian tradisi dan persembahan tarian.

Walaupun berlakunya perubahan terhadap pengisian program pesta sejak ia diperkenalkan, namun ia tidak dipertikaikan oleh masyarakat kampung, daerah, negeri dan kebangsaan kerana ia telah disesuaikan dengan keadaan semasa. Pada masa dahulu, amalan tradisi bertumpu kepada pengendalian ritual oleh semua pengamal kepercayaan untuk menjaga keseimbangan perhubungan manusia

**Gambar 7: Perarakan Tetamu Kehormat masuk ke auditorium  
Hongkod Koisaan**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 8: Acara memotong padi oleh Tetamu Kehormat  
simbolik kepada menuai padi**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

dengan semangat di alam spiritual. Dengan perubahan yang berlaku perayaan kini hanya sebagai lambang keseimbangan perhubungan sesama manusia kerana tradisi baru ini yang berpunca daripada ritual sakral merupakan hak komunal yang bersifat publik. Pendedahan kepada publik menandakan ia tidak dapat lari daripada sifat-sifat persembahan untuk tontonan awam seperti yang ditekan oleh Clifford Geertz bahawa ritual merupakan entiti budaya dengan kebudayaan itu sendiri bersifat publik.<sup>22</sup> Ritual yang bersifat publik tersebut bagi Mary Douglas adalah untuk menyeragamkan nilai-nilai yang wujud pada masyarakat yang juga menjadi perantaraan pengalaman-pengalaman individu dalam sesuatu masyarakat.<sup>23</sup> Justru, ritual merupakan elemen yang dinamik, mengalami perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan perkembangan yang wujud pada masa tersebut.



**Gambar 9: Peserta pertandingan *Unduk Ngadau* menunggu keputusan akhir**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 10: *Unduk Ngadau* (2002) dimahkotakan**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

Jelas bahawa, ritual tidak dapat mengelakkan daripada perubahan seperti yang dikatakan oleh Richard Schechner bahawa bukanlah merupakan suatu perkara yang mudah dijaga dan ia akan mengalami perubahan dengan menggabungkan unsur-unsur tradisi dan baru seperti petikan di bawah;

“... it is also clear that rituals are not safe deposit vaults of accepted ideas but in many cases dynamic performative systems generating new materials and recombining traditional actions in new ways.”<sup>24</sup>

Bagi beliau ritual merupakan salah satu kegiatan yang mempunyai hubungan dengan perkara-perkara lain seperti permainan, pertandingan, sukan, seni tari, teater dan muzik<sup>25</sup> yang berkongsi empat perkara asas iaitu masa, objek, peraturan dan ruang persembahan. Oleh yang demikian, keempat-empat perkara tersebut membawa kepada pementasan sebuah ritual bersifat publik yang diadakan secara berulang dengan terikat kepada masa dan penglibatan perkara-perkara yang

mempunyai peraturan tersendiri serta dipersembahkan dalam satu ruang penonton.<sup>26</sup>

Ritual padi seperti yang diterangkan mempunyai peranan yang jelas (*manifest functions*) iaitu memmanifestasikan perhubungan antara manusia dan semangat dalam bentuk sajian makanan, minuman, seni muzik dan tarian. Walau bagaimanapun, ia mempunyai fungsi tersirat (*latent functions*) iaitu memupuk perpaduan komuniti dan sebagai lambang identiti. *Kaamatan* yang muncul dari ritual padi disambut secara besar-besaran, melibatkan paduan tenaga pelbagai komuniti Kadazandusun yang jelas menunjukkan fenomena perpaduan. *Kaamatan* juga menjadi pentas untuk ritual padi diterima sebagai lambang identiti dalam konteks yang lebih luas, iaitu dari Kadazan kepada Kadazandusun dan ada pihak yang mencuba dengan konsep Kadazandusun Murut. Walau bagaimanapun konsep Kadazandusun Murut yang cuba dikembangkan itu tidak diterima sepenuhnya oleh komuniti. Pengiktirafan ini dapat dikembangkan bukan sahaja kepada seluruh masyarakat di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. Dengan itu, ritual padi berperanan besar kepada asas pembentukan budaya bangsa yang lebih dinamik dan menyeluruh yang melibatkan aspek ekonomi, sosial dan politik. Pengiktirafan nama perayaan juga dengan sendirinya berubah daripada Pesta Menuai kepada Pesta *Kaamatan*.

Hala tuju *Kaamatan* sangat dipengaruhi oleh perkembangan politik dengan menetapkan perayaan *Kaamatan* sebagai alat untuk pengukuhan identiti mereka dan politik juga menjadikan Pesta *Kaamatan* berkembang hingga ke peringkat negeri dan negara. Perkembangan yang menarik apabila *Kaamatan* turut dirayakan oleh komuniti Kadazandusun di Lembah Klang dan mendapat pengiktirafan seperti perayaan peringkat daerah di Sabah. Pada setiap musim perayaan ramai pemimpin politik Kadazandusun di peringkat daerah dan negeri berkumpul dengan rakyat dari pelbagai bangsa dan agama untuk merayakan Pesta *Kaamatan*. Fenomena ini dapat menggambarkan bahawa masyarakat boleh berkumpul bersama dan melupakan perbezaan ideologi politik mereka. Ia merupakan sebuah ritual baru yang lebih dikenali di kalangan Kadazandusun sebagai *noikot no di vulan kohimo* atau sudah sampainya bulan lima (Mei). Victor Turner menganggap ritual merupakan sebuah drama sosial di mana kehidupan seharian manusia sentiasa berhubung (*breach*) di antara satu sama lain, ada ketikanya menghadapi konflik (*crisis*) serta timbulnya ketegangan dan apabila disedari akan bertindak untuk mencari penyelesaian yang dipersetujui bersama (*redressive actions*) dengan mengadakan program pesta bersama (*reintegration*).

Justru, Pesta *Kaamatan* merupakan gabungan empat perkara di atas yang bermula dengan kesedaran komuniti untuk mengadakan semula aktiviti yang berhubung dengan padi sebagai tindakan untuk mengetengahkan identiti mereka. Ia terjadi kesan daripada perhubungan dengan dunia luar yang telah mengubah struktur kehidupan komuniti Kadazan dengan meninggalkan amalan kepercayaan tradisi. Kemajuan yang dinikmati telah banyak mengubah komuniti lebih maju dan menimbulkan jurang perbezaan dengan komuniti yang kurang maju. Dalam suasana yang tertentu menimbulkan ketegangan dan konflik khususnya polemik Kadazandusun dan jika dibiarkan berterusan boleh menyebabkan perpecahan. Timbul kesedaran untuk berusaha menyelesaikan permasalahan ini seperti yang dinyatakan oleh Turner sebagai *redressive action* atau penyatuan semula dengan merayakannya bersama di kalangan komuniti Kadazandusun. *Kaamatan* yang dirayakan bersama menjadi titik tolak kepada penyelesaian dan penyatuan

(*reintergration*) tersebut. Program-program bersama dirangka bagi menjayakan tradisi dan membangunkan komuniti Kadazandusun sebagai bumiputera yang utama di Sabah. Tradisi padi yang menjadi kebanggaan komuniti telah dijadikan landasan untuk penyatuan dengan mengangkat perayaan *Kaamatan* di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan.

Elemen-elemen suci daripada ritual yang dipersembahkan semula di pentas *Kaamatan* khususnya semasa acara pembukaan resmi atau pengisian program menunjukkan semangat masih cintakan amalan tradisi. *Kaamatan* yang diangkat daripada tradisi padi menjadi alat yang paling baik untuk mengumpulkan masyarakat pelbagai kaum dan agama seperti sebuah keluarga besar yang boleh dianggap sebagai satu ritual besar. Ritual berfungsi sebagai alat yang membolehkan masyarakat berhimpun dan peluang untuk memperbaharui perasaan dan semangat untuk bersatu padu<sup>27</sup> mendatangkan suasana gembira dalam satu komuniti sebagai memenuhi tuntutan suci serta melenyapkan perasaan individualistik. *Kaamatan* disertai oleh kelompok masyarakat yang besar dari pelbagai kaum dan keturunan serta agama turut melibatkan pihak kerajaan dan swasta mampu menjadi medan untuk berinteraksi dan berpesta. Mereka berkumpul beramai-ramai dalam kelompok yang besar dengan tujuan yang sama, meninggalkan kepentingan masing-masing dan cuba mencapai keinginan bersama seperti dinyatakan oleh Victor Turner sebagai *liminal*.<sup>28</sup> *Liminal* adalah suasana tidak jelas (*neither here nor there*); di mana mereka yang menghadiri pesta ini berada dalam keadaan luar dari kebiasaan dengan mempunyai perasaan dan harapan yang sama seolah dalam suatu komuniti yang besar yang dipanggil *communitas*. Dengan menganggap mereka sebagai satu komuniti besar Kadazandusun, penganjuran Pesta *Kaamatan* ini dianggap berjaya menyatukan mereka.

Kadazan Dataran Penampang kini tidak lagi menganggap pementasan *Kaamatan* sebagai hak istimewa yang dominan untuk mengetengahkan identiti mereka. Mereka harus berkongsi dengan etnik Dusunik lain yang terdiri daripada 13 rumpun bahasa dan juga mengambil kira komuniti Murut yang mempunyai 10 bahasa dan Paitan lima bahasa. Pihak KDCA telah mengiktiraf komuniti Murut sebagai etnik yang turut merayakan dan berhak mementaskan identiti mereka melalui *Kaamatan*. Perikatan Kadazandusun Murut (KDM) secara tidak formal telah dipersetujui yang mana ia seolah-olah telah diterima secara resmi oleh pihak kerajaan negeri. Ketiga-tiga komuniti Kadazan, Dusun dan Murut ini dapat dikenal pasti melalui pertuturan bahasa, dialek, pemakaian pakaian tradisi, budaya material serta tarian dan muzik tradisi mereka. Mereka giat melakukan persiapan setiap bulan Mei untuk merayakan *Kaamatan* bersama-sama dalam suasana perpaduan dan harmoni. Komuniti Kadazandusun bergabung tenaga mementaskan kebudayaan masing-masing dengan pemantauan oleh pihak kerajaan.

Perjuangan komuniti Kadazan menuntut hak dan keistimewaan dalam pelbagai aspek kini mula dilupai dan tidak lagi dihargai oleh komuniti Kadazandusun. Generasi kini beranggapan perjuangan dilakukan atas nama semua rumpun secara menyeluruh dan bukan lagi berdasarkan kedaerahan. Gabungan daripada keseluruhan etnik ini membentuk suara majoriti di Sabah, namun sebaliknya, ia sebagai minoriti dalam konteks negara Malaysia. Pihak KDCA yang menyedari hakikat ini telah merombak struktur dan jentera persatuan mereka dengan memberi fokus utama terhadap hal-hal pembangunan sosial dan ekonomi serta penyatuan semua etnik dalam rumpun Kadazandusun dan memastikan pengekalan dan penerusan warisan budaya dan identiti dilaksanakan dengan baik.

**Gambar 11: Tarian *Magarang* oleh komuniti Dusun Tambunan**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 12: Tarian *Sazau* Papar oleh komuniti Kadazan Papar**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 13: Tarian *Magunatip* oleh komuniti Murut**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji



**Gambar 14: Tarian *Igal Limbayan* oleh komuniti Bajau Semporna**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 15: *Mipulos* (gusti lengan)**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 16: *Migazat Dukud* (tarik tali)**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.



**Gambar 17: Sugandoi Kaamatan - pertandingan lagu tradisi Kadazandusun**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

**Gambar 18: Pameran makanan dan minuman tradisi**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 19: Demonstrasi anyaman tikar (*Bundusan*)  
Kadazan Penampang**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji

**Gambar 20: Sumazau Penampang semasa Pesta Kaamatan di Penampang yang dikongsi bersama dengan komuniti lain**



Sumber: Kajian lapangan pengkaji.

Walau bagaimanapun, masih ada lagi di kalangan mereka yang tidak menyenangi dan kurang berpuas hati dengan pucuk kepimpinan KDCA dan ini mengganggu penyatuan Kadazandusun.

## KESIMPULAN

Komuniti Kadazan Penampang sangat dominan di kalangan etnik Kadazandusun lain dalam pelbagai aspek kehidupan di negeri Sabah. Peralihan dan evolusi budaya yang mempengaruhi aspek ritual dan juga usaha penerusan tradisi lama serta pembentukan identiti melalui pementasan *Kaamatan* menyerlahkan dominasi mereka. Perkara yang menjadi kebanggaan komuniti ini adalah dengan terbinanya bangunan KDCA yang terletak di daerah Penampang dan menjadi mercu tanda kejayaan komuniti Kadazandusun. Kebanyakan ahlinya terdiri daripada komuniti Kadazan Daerah Penampang malah ada di kalangan mereka yang merupakan pengasas persatuan ini. Manakala pengaruh dalam aspek lain pula adalah persembahan tarian *sumazau* Penampang yang telah diangkat dan diterima sebagai tarian komunal komuniti Kadazandusun yang ditarikan bersama-sama dalam setiap kali perayaan *Kaamatan* dan majlis-majlis keramaian lain. Muzik dan tarian *sumazau* Penampang ini juga turut mempengaruhi penciptaan lagu-lagu popular Kadazandusun. Hampir kesemua lagu popular yang dicipta oleh pemuzik dan pencipta lagu Kadazandusun mengikut rentak *sumazau* Penampang tersebut. Pakaian tradisi Kadazan Penampang juga diterima antara salah satu jenis pakaian yang sering dipakai untuk majlis-majlis resmi. Jelas bahawa identifikasi untuk memperkenalkan identiti mereka melalui pementasan *Kaamatan* adalah sangat fleksibel dan boleh berubah secara spontan mengikut tempat, kedudukan dan keselesaan. Walaupun pementasan identiti komuniti ini berubah secara dinamik dengan mengambil kira pelbagai sudut tetapi apa yang pasti komuniti Kadazan Dataran Penampang secara langsung telah memainkan peranan paling penting dan begitu dominan untuk memartabatkan Kadazan sebagai komuniti yang dikenali dan disanjung bukan sahaja di peringkat negeri dan peringkat kebangsaan tetapi juga di persada dunia.

## NOTA HUJUNG

---

<sup>1</sup> Robert Redfield, *The Primitive World And Its Transformation*, (New York: Cornell University Press, 1953), 13.

<sup>2</sup> Hanafi Hussin & Judeth John Baptist, "Mitos dan Legenda Serta Hubungannya dengan Tradisi Padi Masyarakat Kadazandusun Daerah Penampang" dalam *Karnival Kebudayaan*, (Kota Kinabalu: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Sabah, 2003), 22-25.

<sup>3</sup> *Magavau*, muzik gong *sompogogungan* dan tarian *sumazau* Penampang sering diketengahkan sebagai representatif budaya Kadazan Penampang dalam banyak aktiviti kebudayaan seperti Pesta *Kaamatan*, Pesta Sabah (*Sabah Fest*) dan lain-lain.

<sup>4</sup> Kebanyakan ahli komuniti Kadazan Penampang memanggilnya sebagai upacara.

<sup>5</sup> Roy, A. Rappaport, *Ritual And Religion In The Making of Humanity*, (United Kingdom: Cambridge University Press, 1999), 134.

<sup>6</sup> Mitos *pampang* sebagai asas kepercayaan tradisi Kadazan. Melaluinya terbentuk dan wujud pelbagai jenis ritual khususnya ritual padi yang menjadi penanda identiti. Pelbagai ritual tersebut untuk manifestasikan lagi amalan kepercayaan tradisi agar kukuh serta mengimbangi perhubungan antara manusia di alam nyata dan roh serta semangat di alam spiritual.

<sup>7</sup> Ia juga dipanggil sebagai *Kinopunan* yang merupakan nama kedua kepada *Kinoingan*.

<sup>8</sup> *Suminundu* juga mempunyai nama kedua iaitu *Huminodun*. Di dalam *inait* Pampang, yang dimanterakan oleh Inai Jinggunis, salah seorang *Bohungkitas* Kadazan jelas menyebut, *Huminodun* sebagai nama kedua bagi isteri tuhan *Kinoingan/Kinopunan*. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kekeliruan, di kalangan komuniti Kadazandusun yang merujuk *Huminodun* sebagai anak kepada *Kinoingan* dan *Suminundu*.

<sup>9</sup> *Izoton* merupakan nama kedua bagi *Poninzuvung*.

<sup>10</sup> *Kinoingan* dan *Suminundu* dikatakan telah mencipta manusia dan para semangat. Manusia mendiami alam nyata (*seen world*) dan berhubungan sesama manusia. Manakala semangat mendiami alam spiritual (*unseen world*) dan berkeliaran di sekeliling manusia serta boleh dilihat oleh orang-orang tertentu yang mempunyai ilmu yang khusus seperti *Bobohizan*. Menurut kepercayaan tradisi, dalam kehidupan seharian manusia dan semangat sentiasa berhubungan. Manifestasi hubungan ini dalam bentuk semangat akan sentiasa diingati oleh manusia dengan mengadakan ritual-ritual yang telah ditentukan dan diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi.

<sup>11</sup> Di kalangan komuniti Kadazandusun yang lain turut dipanggil dengan nama *Bambarayon*.

<sup>12</sup> Richard Schechner, *The Future Of Ritual: Writings on Culture and Performance*, (New York: Routledge London and New York, 1993), 124.

<sup>13</sup> Hanafi Hussin, "Bobohizan dan Peranannya di Kalangan Masyarakat Kadazan di Daerah Penampang, Sabah", *Jati*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, bilangan 8, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003).

<sup>14</sup> Mary Douglas, *Purity And Danger: An Analysis Of Concept Of Pollution And Taboo*, (New York: Routledge Classics, 1966).

<sup>15</sup> Hanafi Hussin, "Ritual Padi Komuniti Kadazan Dataran Penampang, Sabah" *Jati*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, bilangan 10, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005).

<sup>16</sup> Hanafi Hussin, "Seni Persembahan Sebagai Perkakasan Ritual Pengubatan: Paluan Gandang dan Tari Sumazau Dalam Ritual Monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah" *Jati*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, bil 11, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006).

<sup>17</sup> Dalam kajian ritualnya Victor Turner (1974) menganggap ia sebagai sebuah drama sosial kerana ia melibatkan empat perkara iaitu *breach*, *crisis*, *redressive action* dan *reintegration*.

<sup>18</sup> Arnold Van Gennep, *The Rites of Passage*. Trans. M. Vizedom and G. Caffee, Intro. S. Kimball, (Chicago: Chicago University Press, 1960).

<sup>19</sup> *Communitas* merupakan konsep yang diperkenalkan oleh Victor Turner (1974) untuk menjelaskan suatu kelompok orang-orang atau masyarakat yang berada dalam sesuatu ritual yang melakukan kegiatan atau aktiviti secara bersama. Padanya mereka merupakan sebuah kumpulan baru yang tidak mempunyai struktur yang biasa berlaku dalam kehidupan harian dan ia turut juga dikata berada dalam keadaan liminal.

<sup>20</sup> Victor Turner, *Dramas, Fields, And Metaphors: Symbolic Action In Human Society*, (United Kingdom: Cornell University Press, 1974).

<sup>21</sup> Hanafi Hussin & Judeth John Baptist, "Kuasa Padi dalam Budaya Kita" dalam *Karnival Kebudayaan*, (Kota Kinabalu: Kementerian Belia dan Sukan Sabah, 27-1 Mei 2003), 12-14.

<sup>22</sup> Clifford Geertz, *Tafsir Kebudayaan*, Terjemahan daripada *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*, (London: Hutchinson & Co Publisher Ltd., 1992).

<sup>23</sup> Mary Douglas, *Purity And Danger*, 48.

<sup>24</sup> Richard Schechner, *The Future of Ritual*, 228.

<sup>25</sup> Richard Schechner, *Performance Studies: An Introduction*, second edition, (London & New York: Routledge, 2006), 28-51.

<sup>26</sup> Richard Schechner, *Performance Theory*, (London and New York: Routledge, 2003), 1-25.

<sup>27</sup> Evans-Pritchard, E.E, 1984, *Theories Of Primitive Religion*, (New York: Oxford University Press, 1984), 620.

<sup>28</sup> Victor Turner, *Schism and Continuity in an African Society*, (Manchester: Manchester University Press, 1957), 99.